

TPM Sambut Baik Usaha Wujudkan Universiti Penyelidikan Sains Sosial
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 10 Julai 2011 10:18

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

10 JULAI 2011/ 8 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Muhammad Shamsul Shafie

TPM SAMBUT BAIK USAHA WUJUDKAN UNIVERSITI PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL

UUM ONLINE: Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengalu-alukan usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mewujudkan sebuah universiti penyelidikan sains sosial.

Beliau berkata, dalam usaha memacu kemajuan sains dan teknologi, kita juga perlu memberi tumpuan yang sewajarnya kepada usaha-usaha untuk mempergiatkan penyelidikan dalam bidang sains kemanusiaan dan kemasyarakatan.

"Kewujudan universiti penyelidikan sains sosial, pastinya akan mempergiatkan usaha-usaha penyelidikan dalam hal-hal yang penting seperti perpaduan nasional, penerimaan antara kaum, kestabilan politik, kebudayaan, kesenian dan pembangunan sosio-ekonomi.

"Kemajuan dalam bidang-bidang ini adalah penting kerana ianya merupakan pelengkap kepada usaha membina sebuah tamadun bangsa," tambahnya sewaktu berucap di Majlis Penutup Kongres Profesor Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Pada majlis yang sama juga, beliau meminta golongan profesor mengkaji formula kejayaan negara dalam pelbagai bidang selepas 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan.

"Saya percaya di sebalik segala kejayaan kita ini terdapat ramuan penting yang telah membawa kita ke tahap di mana kita berada sekarang. Sesungguhnya tidak mudah bagi sebuah negara pelbagai kaum dan agama seperti di Malaysia mencipta pelbagai kejayaan dalam bidang ekonomi, politik dan sosial dalam masa singkat," tambah beliau lagi.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Pengerusi Majlis Profesor Negara, Profesor Emiritus Datuk Dr Zakri Abdul Hamid dan Pengarah Kongres Profesor Negara, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.